

# PERTANDINGAN PECIPTA 2011

## 13 – 15 SEPTEMBER 2011

### KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE, KLCC

Oleh : Cik Aizatul Akma Wani Ariffin

ENVEX YOUNG RESEARCHER CLUB (EYReC), UniMAP sekali lagi membuktikan kejayaan serta kecemerlangan dalam pertandingan PECIPTA 2011 anjuran Universiti Teknologi MARA Malaysia (UiTM) pada 13 hingga 15 September 2011 yang lalu dengan kejayaan memperoleh 100% kemenangan. Pertandingan yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre ini telah menyaksikan sebanyak 6 produk penyelidikan pelajar menyertai pertandingan ini dengan 1 produk adalah merupakan kerjasama dengan Sek. Men. Vokasional Teluk Intan, Perak. Pertandingan yang berlangsung selama 3 hari ini turut memberi peluang kepada para penyelidik muda dalam meningkatkan pengetahuan serta ilmu sains dan teknologi sekaligus dapat mempraktikkan kemahiran insaniah pelajar terbabit.

Pertandingan PECIPTA 2011 kali ini adalah merupakan penyertaan julung kali disertai oleh delegasi EYReC UniMAP dengan penyertaan bagi 2 kategori, iaitu young category dan junior category. Bagi pertandingan kali ini, pada 13 September 2011 upacara perasmian pertandingan telah dirasmikan YB Dato' Seri Mohamed Khaled B Hj. Nordin manakala majlis perasmian penutup dan majlis penyampaian hadiah yang berlangsung pada 15 September 2011 telah disampaikan oleh YBhg Dato' Prof. Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, iaitu Naib Canselor UiTM.

Delegasi EYReC UniMAP telah memcatatkan kejayaan memperoleh 1 Emas ; 1 Perak dan 4 Gangsa. Emas tunggal tersebut telah dimenangi hasil daripada produk penyelidikan Anis Nabila Mohd Zahanorin yang bertajuk WPR Composites.

Berikut adalah senarai kejayaan delegasi EYReC UniMAP bagi pertandingan PECIPTA 2011 ;

#### KEPUTUSAN PERTANDINGAN PECIPTA (YOUNG CATEGORY)

BIL. PRODUK	PENYELIDIK	PENYELIA	PINGAT
1. WPR Composites	Anis Nabila Mohd Zahanorin	Dr Nik Noriman Zulkepli	EMAS
2. Snatch Guard : An Innovative & Cost Performance Solution For Crime Prevention	Mohd Azizi Ab Malek Teh Jenn Hooi	Dr. Shahrman Abu Bakar	PERAK
3. Eco-Glass	Siti Nur Hazwani Mohamad Rodzi	Faizul Che Pa	GANGSA
4. Development Of Arm Device To Investigate Elbow Joint Motion	Asyraf Hakimi Abu Bakar	Mohammad Shahril Salim	GANGSA
5. Fabrication Of Organic Light Emitting Diode (OLED) And Organic Light Emitting Transistor (OLET)	Nor Afiqah Azmi	Dr Mukhzeer Mohamad Shahimin	GANGSA

#### KEPUTUSAN PERTANDINGAN PECIPTA (JUNIOR CATEGORY)

BIL. PRODUK	PENYELIDIK	PENYELIA	PINGAT
1. Bioremediator	Nur Hanani, Kamarulazmee	Tn. Hj. Mohamad Jaafar Sahari	GANGSA

